

APLIKASI AL-QURAN DIGITAL MESRA OKU MASALAH PENGLIHATAN

Nur Atiqah Binti Abdul Aziz
Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan
Tel: +6019-2827407 Email: nuratiqah@usim.edu.my

Mohammad Al Faishal Bin Mohd Sabri
Universiti Sains Islam Malaysia,
Tel: +6011-72294571 E-mail: alfaishalsabri02@gmail.com

Muhamad Alif Aikram Bin Samsuri
Universiti Sains Islam Malaysia,
Tel: +6017-9012259 E-mail: muhamadalifaikram@gmail.com

Syed Muhammad Umair Bin Syed Kamil
Universiti Sains Islam Malaysia,
Tel: +6011-58534080 E-mail: syedumair012@gmail.com

ABSTRAK

Kini menggunakan aplikasi sangat meluas digunakan dalam mengakses maklumat dan informasi. Hal tersebut tidak terkecuali penggunaan aplikasi Al-Quran yang sering digunakan dalam kalangan masyarakat Islam yang menjadikan bacaan dan pembelajaran Al-Quran boleh dilakukan dimana-mana sahaja. Pengguna aplikasi Al-Quran secara digital turut menjadi kemudahan dan tumpuan bagi komuniti OKU Masalah Penglihatan mempelajari dan membaca al-Quran dengan mudah. Platform pengajaran Al-Quran digital memberikan kemudahan kepada komuniti OKU Masalah Penglihatan mempelajari dan membaca al-Quran. Medium penggunaan aplikasi ini membantu dalam memberi kemudahan kepada komuniti OKUMP membaca Al-Quran sepertimana mudahnya golongan tipikal membacanya. Artikel ini membincangkan berkaitan aplikasi Al-Quran digital mesra OKUMP. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti aplikasi Al-Quran yang sering digunakan oleh komuniti OKUMP membaca dan mempelajari Al-Quran disamping cabaran dalam menggunakan aplikasi tersebut. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual separa berstruktur bagi mengenalpasti aplikasi Al-Quran yang digunakan serta cabaran menggunakan aplikasi tersebut. Dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan aplikasi Al-Quran digital ini memberikan impak yang positif kepada komuniti OKMP dari aspek membantu dalam meningkatkan kualiti dan mutu bacaan Al-Quran serta mempunyai keupayaan mempelajari bacaan Al-Quran dengan baik. Kajian ini berupaya memberi sumbangan dan manfaat terhadap pengajaran dan pembelajaran Al-Quran bagi komuniti OKUMP. Ini juga memberi peluang kepada penyelidik untuk membangunkan dan menghasilkan teknologi dalam menciptakan solusi yang lebih baik mengikut keperluan dan keupayaan mereka dalam mengakses bacaan al-Quran secara digital.

Kata Kunci: Al-Quran digital, OKU Masalah Penglihatan

1. Pengenalan

Al-Quran, kitab suci umat Islam, merupakan wahyu terakhir yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril. Sebagai sumber utama ajaran Islam, Al-Quran bukan hanya berfungsi sebagai panduan hidup tetapi juga sebagai rahmat dan petunjuk bagi umat manusia. Membaca Al-Quran merupakan salah satu kewajipan yang ditekankan dalam agama Islam, bertujuan mendekatkan diri kepada Allah, memperolehi ketenangan jiwa, dan memahami kehendak serta perintah-Nya. Salah satu firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 121 menyatakan:

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتْلُونَهُ حَقَّ تِلَاوَتِهِ أُولَٰئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ ۗ وَمَنْ يَكْفُرْ بِهِ ۖ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ۙ ١٢١

"Orang-orang yang telah Kami berikan Al-Kitab kepada mereka, mereka membacanya dengan bacaan yang sebenarnya, mereka itu beriman kepadanya. Dan barangsiapa yang ingkar kepadanya, maka mereka itulah orang-orang yang rugi."

Ayat ini menegaskan pentingnya membaca Al-Quran dengan pemahaman yang benar dan ikhlas, sebagai tanda keimanan seseorang. Selain itu, Membaca Al-Quran juga berfungsi sebagai mekanisme pendidikan rohani yang memperbaiki akhlak dan meningkatkan keimanan. Ia mengandungi pelbagai hikmah, nasihat, dan hukum-hakam yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Membaca dan menghayati isi kandungan Al-Quran dapat membentuk peribadi yang mulia, menghindarkan diri dari perbuatan dosa, dan menguatkan hubungan dengan Allah. Dalam era digital yang semakin maju, teknologi memainkan peranan penting dalam memudahkan kehidupan seharian, termasuk dalam aspek keagamaan. Salah satu perkembangan signifikan ialah pengenalan aplikasi Al-Quran digital yang direka khusus untuk membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU), khususnya mereka yang mempunyai masalah penglihatan (OKUMP).

Disamping itu, Bacaan dan pemahaman Al-Quran adalah asas dalam praktik keagamaan harian, namun, bagi mereka yang mengalami masalah penglihatan, akses kepada Al-Quran dalam bentuk cetakan tradisional menjadi suatu cabaran besar. Teknologi digital membuka peluang baru untuk mengatasi halangan ini dengan menyediakan platform yang lebih inklusif. Oleh itu, Aplikasi Al-Quran digital mesra OKU masalah penglihatan dirancang untuk memenuhi keperluan unik golongan ini dengan menyediakan ciri-ciri seperti teks bersaiz besar, pilihan penyesuaian kontras warna, dan sokongan audio dengan bacaan Al-Quran yang jernih dan tepat. Selain itu, teknologi teks ke ucapan (*text-to-speech*) dan braille digital juga merupakan inovasi penting yang membolehkan pengguna membaca dan memahami Al-Quran dengan lebih mudah dan efektif.

Pengenalan dan pembangunan aplikasi ini bukan sahaja memudahkan akses kepada Al-Quran bagi OKUMP, tetapi juga memberikan mereka peluang untuk meningkatkan ilmu keagamaan dan mendekatkan diri dengan Tuhan. Aplikasi ini juga mencerminkan komitmen terhadap inklusiviti dan penyertaan semua lapisan masyarakat dalam amalan keagamaan, tanpa mengira kekurangan fizikal. Dalam konteks ini, kajian mengenai keberkesanan dan keperluan aplikasi Al-Quran digital mesra OKUMP adalah penting untuk memastikan bahawa teknologi yang dibangunkan benar-benar berfungsi dan memenuhi keperluan pengguna. Dengan memahami cabaran dan keperluan khusus golongan ini, pembangu aplikasi dapat terus memperbaiki dan mengoptimumkan produk mereka serta memastikan ianya menjadi alat yang benar-benar bermanfaat dan dapat diterima oleh masyarakat OKUMP.

2. Metodologi kajian

Kualitatif bermaksud sesuatu yang berdasarkan kualiti atau mutu dan bukan berasaskan kuantiti (bersifat kuantitatif) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Kajian ini berbentuk kualitatif dan melibatkan analisis dokumen, temu bual mendalam separa berstruktur, temu bual mendalam kelompok sasaran dan pemerhatian sebagai kaedah pengumpulan data dan maklumat kajian.

Pendekatan secara kualitatif dijalankan dalam kajian ini untuk mendalami dan memahami cabaran penggunaan aplikasi Al-Quran digital kepada OKUMP. Pendekatan ini dipilih sesuai dengan kajian kerana pengkaji boleh mendapatkan gambaran serta pengalaman mengenai kaedah pengajaran serta cabaran OKUMP dalam menggunakan Al-Quran digital. Data dapat dikumpulkan melalui analisis dokumen iaitu menganalisis pendekatan pengajaran serta pembelajaran tentang jenis aplikasi Al-Quran digital yang digunakan. Temu bual juga dijalankan bagi memudahkan pengkaji memahami dan mendapatkan maklumat terperinci tentang cabaran yang dihadapi dalam pengajaran Al-Quran

bagi OKUMP. Metodologi ini bertujuan untuk memahami secara mendalam cabaran pengajaran Al-Quran digital OKUMP dan cadangan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran bagi komuniti OKUMP.

2.1 Pemilihan Sampel Kajian:

Penyelidikan kualitatif dijalankan ke atas 6 orang peserta untuk mendapatkan pandangan dan perspektif yang lebih terperinci. Sampel bagi kajian ini adalah 4 orang dalam kalangan OKUMP dan 2 orang guru tipikal. Jadual 1 di bawah merupakan senarai peserta kajian.

Jadual 1: Ringkasan Sampel Kajian

Peserta Kajian	
1)	Guru, Sek. Keb. Pendidikan Khas Alma (Penglihatan)
2)	Pelajar Ijazah Sarjana Muda Universiti Islam Antarabangsa, UIAM
3)	Ketua Unit Penerbitan dan Tugas-tugas Khas, PERTIS
4)	Pembantu Tadbir Penerbitan, PERTIS

3. Perbincangan

Kajian ini meneroka keperluan dan pengalaman peserta kajian dalam mengakses kandungan Al-Quran digital. Memahami demografi peserta yang terlibat dalam kajian ini adalah penting untuk mengkontekstualisasikan penemuan dalam rangka kerja kebolehcapaian digital yang lebih luas. Tumpuan demografi utama penyelidikan ini ialah individu yang mengalami kecacatan penglihatan, dalam kategori rabunyang teruk atau buta sepenuhnya. Seramai 6 orang peserta kajian telah menjawab temu bual ini, termasuk 4 individu daripada OKUMP dan 2 adalah guru tipikal . Jadual 2 dan 3 menunjukkan rumusan untuk klasifikasi peserta temuduga.

Jadual 2: Ringkasan Demografi Peserta Temuduga (OKU Penglihatan)

P	Jantina	Kategori	Lokasi	Latar Belakang Pendidikan
P1	Lelaki	B2 (Terhad Penglihatan)	Guru , Sek. Keb. Pendidikan Khas Alma (Penglihatan)	Maktab Perguruan Ilmu Khas
P2	Lelaki	B1 (Buta Sepenuhnya)	Pelajar Ijazah Sarjana Muda, Universiti Islam Antarabangsa, UIA	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak
P3	Lelaki	B1 (Buta Sepenuhnya)	Ketua Unit Penerbitan dan Tugas-tugas Khas, PERTIS	Diploma Tahfiz Quran dan Dakwah, Darul Quran JAKIM, Kuala Khubu Baharu

P4	Perempuan	B2 (Terhad Penglihatan)	Pembantu Tadbir Penerbitan, PERTIS	Diploma, Kolej Pengajian Islam Johor, (MARSAH) & Ijazah Quran dan Qiraat, KUIS
-----------	-----------	-------------------------------	---------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------

Berdasarkan Jadual 2 di atas, kita dapat melihat bahawa hampir semua peserta dari kumpulan cacat penglihatan adalah lelaki seramai 3 orang dan hanya terdapat seorang peserta perempuan. Terdapat 2 peserta cacat penglihatan dari kategori B1 (buta sepenuhnya) dan 2 peserta dari kategori B2 (penglihatan terhad). Salah seorang peserta adalah seorang guru di SKPK Alma. Terdapat juga 2 peserta dari PERTIS, memegang jawatan sebagai Ketua Unit Penerbitan dan Tugas-Tugas Khas serta Penolong Pentadbir Penerbitan. Selain itu, terdapat seorang peserta yang merupakan pelajar yang sedang belajar di UIA. Seorang peserta temubual mempunyai diploma, manakala dua lagi mempunyai sijil ijazah. Hasil temubual menunjukkan bahawa kebanyakan peserta mempunyai asas dalam menggunakan gajet dan aplikasi di telefon mereka. Walaupun terdapat 2 individu dari kategori B1 (buta sepenuhnya), mereka berpengalaman menggunakan aplikasi di telefon mereka kerana telah diajar sejak awal, menjadikan mereka agak mudah untuk menguruskan tugas mereka.

Jadual 3: Ringkasan Demografi Peserta Temuduga (Tipikal)

P	Jantina	Kategori	Lokasi	Latar Belakang Pendidikan
P5	Lelaki	Tipikal	Guru Pendidikan Islam, Sek. Keb. Pendidikan Khas Alma (Penglihatan)	Maktab Perguruan Islam Lembah Pantai
P6	Lelaki	Tipikal	Guru Pendidikan Islam, Sek. Keb. Pendidikan Khas Alma (Penglihatan)	Maktab Perguruan Islam Lembah Pantai

Berdasarkan Jadual 3 di atas, kita dapat melihat bahawa kedua-dua peserta adalah lelaki. Guru-guru ini adalah guru Pendidikan Islam di SKPK Alma, Pulau Pinang, dan mereka mempunyai latar belakang pengajian dari Maktab Perguruan Islam Lembah Pantai. Hasil temu bual dengan kedua-dua guru mendapati bahawa mereka tidak mempunyai asas langsung dalam membaca al-Quran menggunakan Braille pada peringkat awal menjadi guru kerana mereka tidak pernah mendapat pendedahan semasa latihan guru mereka. Oleh itu, mereka belajar sendiri semasa berkhidmat di SKPK Alma, Pulau Pinang.

3.1 Analisis Diskriptif

Penemuan kajian ini akan membincangkan analisis pembangunan aplikasi Al-Quran digital mesra pengguna terhadap golongan OKU penglihatan dalam konteks pilihan dan cabaran ketika menggunakan aplikasi Al-Quran digital. Penemuan ini dikumpulkan berdasarkan pandangan peserta melalui data transkrip yang diperoleh daripada temu bual yang dijalankan. Terdapat dua (2) tema maklum balas yang diperoleh melalui temu bual yang dijalankan.

3.1.1 Mengenal pasti aplikasi Al-Quran yang sering digunakan oleh komuniti OKUMP membaca dan mempelajari Al-Quran

Semua peserta berkongsi pengalaman dan pilihan mereka mengenai penggunaan aplikasi Al-Quran semasa. Pandangan mereka mengenai isu ini telah dinyatakan oleh subjek kajian 1, 2, 3, 4, 5, dan 6 seperti berikut:

“...Rasa macam tak ada, rasanya visual la, kebanyakan visual la...Untuk yang cacat penglihatan, saya rasa tak ada...” (P1)

“...Memang try tu masa apps Al-Quran dalam Muslim Pro lah...Masa tu dia kalau dekat iPhone dia ok sebab kan dia Arabic, so kan kalau mungkin ada familiar dengan konsep pembaca screen dan sebagainya tu kan...so kan ada certain, I mean bukan certain lah sebab Arabic...so dia kena ada dalam phone tu sendiri dia kena ada perisian yang boleh membaca tulisan Arab lah...sebab dia default English ataupun tulisan Rumi. jadi kalau macam dalam dalam Arab tu memang dia senyap lah.. dia tak boleh nak bacakan...Maksudnya, setakat nak buka, tengok ayat dan pilih-pilih ayat dan semua itu, itu boleh lepas lah...Muslim Pro dia tak ada benda macam tu.. benda-benda advance macam tu dia tkde.. tu dia just basic-basic je lah...” (P2)

“...saya guna Quran for Android. Itu yang saya guna sekarang. Dalam itu ada Quran, ada tafsir, saya guna yang itu je...saya pernah try beberapa jenis alQuran dekat Android... contohnya al Quran JAKIM...Al-Quran Melayu tu saya ada try...lepas tu audio, al-Quran offline tu saya ada try...kalau untuk al-Quran JAKIM dengan al-Quran Melayu tu memang tak boleh access langsung, langsung tak boleh access. dia akan sebut un-label button...Itu yang saya dah try dan kesudahannya memang dia tidak menjadikan apps Al-Quran ni sebagai rujukan kita lah...” (P3)

“...Saya guna Quran for Android...Untuk aplikasi Quran khusus untuk orang buta, setahu saya macam tak ada lah, kita gunakan aplikasi apa saja yang ada dekat Playstore dan sepanjang saya menggunakan apps tersebut aa kita dapat lihatlah Quran tu tak boleh digunakan la Apps tu...Walaupun kita ada..walaupun ada untuk aaa Play audio ke apa ke...tapi, dia tak accessible lah untuk penggunaan dari segi kita punya screen reader apa semua lah...”(P4)

“...Al Quran kita pakai Al Quran Braille. Memang tak dak aa aplikasi, dulu ada E-Braille...” (P5)

“...kita buat dulu Smart Iqra dengan Smart Hafaz tu...di komputer tu, dia akan bagi arahan lah, ada dia panggil sistem JAWS, Job Access Window System...”(P6)

Kebanyakan peserta dalam kajian ini bersetuju bahawa mereka telah menggunakan aplikasi Al-Quran digital yang ada hari ini, tetapi aplikasi-aplikasi ini tidak mesra pengguna dan tidak dapat digunakan dengan berkesan. Selain itu, terdapat peserta yang tidak menggunakan aplikasi Al-Quran digital ini. Penemuan kajian ini diringkaskan dalam jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Aplikasi Al-Quran Peserta Kajian

Bil	Peserta Kajian	Aplikasi Al-Quran	Tahap Penggunaan	
			High	Low
1	P1	Tidak menggunakan aplikasi		/
2	P2	Muslim Pro		/
3	P3	Al Quran JAKIM		/
4	P4	Quran for android		/
5	P5	Tidak menggunakan aplikasi		/
6	P6	Tidak menggunakan aplikasi		/

Dari temubual ini, penyelidik mendapati 3 aplikasi yang digunakan oleh peserta iaitu Muslim Pro, Al Quran JAKIM dan Quran untuk Android. Beberapa peserta didapati tidak menggunakan sebarang aplikasi kerana mereka adalah komuniti tipikal. Hampir semua peserta bersetuju bahawa aplikasi Al-Quran digital pada masa kini kurang diminati kerana ciri-ciri dalam aplikasi tersebut sangat terhad dan tidak sesuai untuk komuniti OKUpenglihatan.

3.1.2 Cabaran dan Kesukaran Yang Dihadapi

Semua peserta berkongsi cabaran dan kesukaran yang mereka hadapi semasa menggunakan aplikasi Al-Quran digital. Pandangan mereka mengenai isu ini telah dinyatakan oleh subjek kajian 1,2,3,4 dan 6 seperti berikut:

“...Tapi murid tu saya rasa masih perlukan guide. Dia tidak 100% kepada Apps itu mungkin sebab pemahaman bahasa dia tidak mencapai apa yang ada di dalam Apps itu...” (P1)

“... tapi ada certain app... dia buat macam ini, mungkin IT punya ni sikit lah sebab dia tak ikut standard yang dia dah bagi. So dia mungkin buat lebih pada kreativiti la. macam nampak lawa apa semua kan. Tapi bila lah dia tak ikut dia punya standard, nanti pembaca screen tu dia tak boleh nak bacakan..macam...kita nak pilih surah, dia tak boleh nak access sebab dia, dia punya vision bukan macam kita punya vision, dia punya cara access maklumat tu berbeza...sebab diorang kadang tak ikut guideline itu. So, diorang akan jadi payah sikit. Even...kadang-kadang, apps quran tu memang tak boleh baca pon...dari segi pembinaan app yang dia tak ikut guideline, macam dia tak label dengan betul..so benda tu tak dia akan menyukarkan lagi aa pembaca screen lah untuk menggunakan app tu...kalau baca, even baca pakai app tadi pun maksudnya baca pakai talkback tadi pun dia memang tajwid, dia langgar... so memang, sebab dia kira macam Arab biasa kan, so dia akan baca biasa je lah, macam panjang dia tak akan bangun baca Bahasa arab yang standard...” (P2)

“...apabila kita pergi ke text tu kita punya skrin reader tu, dia tak detect pon...so kita tak tahu kita berada di muka surat yang mana so memang tak boleh nak digunakan...setiap developer (orang yang buat program ni) dia buat ni tak merujuk pun kepada pengguna OKU Penglihatan. Itu kesimpulan yang kita boleh ambil ...Program ni dah ada dah tapi orang yang buat program ni tidak merujuk kepada sasaran...” (P3)

“...Yang kadang-kadang nampak pun, dia agak sensitif dengan cahaya. So kadang-kadang mode yang light mode itu tak berapa sesuai untuk kami. So kalau ada app itu, kalau ada, setiap app ada dark mode...mungkin boleh kalau macam tulisan pun mungkin boleh ada option untuk besar, kecilkan tulisan...kalau buat aplikasi itu Mungkin kita boleh setiap ruang untuk maklum balas So, kami ada ruang untuk maklum balas Dan developer pun ada ruang untuk memperbaiki apps itu...” (P4)

“...apps apa yang kita nak perkenalkan kat dia... dia suka tapi kadang kadang kalau tak boleh nak interaktif untuk orang buta dia pun boring la. Dia bergantung pada hari.. tengok pada software yang dia berkenan. kalau dia rasa menarik, menarik...” (P6)

Jadual 5 di bawah merupakan rumusan terhadap cabaran bagi komuniti OKUMP menggunakan aplikasi Al-Quran:

NO.	PESERTA	KESUKARAN MENGGUNAKAN APLIKASI

1	P1	Pemahaman bahasa
2	P2	Tidak mengikut keperluan OKUMP
3	P3	Tidak mengikut keperluan OKUMP
4	P4	Sensitif dengan cahaya
5	P6	Tidak menarik perhatian

4. Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian mengenai aplikasi Al-Quran digital mesra OKUMP menunjukkan bahawa terdapat keperluan yang signifikan dalam membangunkan aplikasi yang mesra digunakan disamping memenuhi keperluan dan kehendak komuniti OKUMP. Peserta kajian menunjukkan bahawa meskipun terdapat cabaran, namun kebanyakan daripada mereka menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi digital sangat membantu dan memberi kesan yang baik sebagai nilai tambah dalam pengajaran.

Oleh itu, adalah penting untuk terus membangunkan dan meningkatkan aplikasi Al-Quran digital yang mesra OKU dengan mengambil kira maklum balas dan keperluan pengguna OKU penglihatan. Inisiatif ini bukan sahaja akan memperkasakan individu dengan gangguan penglihatan tetapi juga menyokong usaha ke arah inklusiviti dan aksesibiliti digital yang lebih luas dalam pendidikan agama.

5. Rujukan

- Surah Al-Baqarah ayat 121.m/s 32.
- Nur Liyana Bt Ishak. (2024). Need Analysis Of Development Friendly-User Digital Quran Toward Visually Impaired.
- Noornajihan Jaafar & Nur Atiqah Abdul Aziz. (2018). Faktor Penguasaan Pembelajaran Al-Quran Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan: Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Alma, Pulau Pinang
- Nur Atiqah Abdul Aziz, Noornajihan Ja'afar (2021). Pembelajaran Secara Dalam Talian: Implikasi Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Pelajar OKU Masalah Penglihatan
- Abdullah, M. (2010). Pengajian al-Quran dalam Kalangan Warga Cacat penglihatan di Malaysia . *al-Bayan : Jurnal al-Quran & al-Hadith*, 21-34.
- Awang, H. B. (2010). Isu dan Cabaran Guru dalam Pendidikan Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan . *Seminar Pendidikan Guru Peringkat Antarabangsa kali ke 4(UPI & UPSI)* (p. 72). Bandung, Indonesia: UPSI.
- Hj. Norakyairee Hj. Mohd Raus, M. N. (2013). Pengajaran al-Quran Braille: Isu dan Cabaran Semasa. *International Journal on Quranic Research (IJQR)*, 79-94.
- Norshidah Mohd Salleh, K. A. (2004). Strategi Pengajaran al-Quran di kalangan Murid Bermasalah Penglihatan. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas Kejayaan Kanak-kanak Berkeperluan Khas* (p. 12). Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahman, R. b. (2010). *Pengajian al-Qur'an dalam kalangan ahli Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) di Kuala Lumpur & Kuala Terengganu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Razali, M. (2013). Peranan Teknologi Dalam Mendorong Masyarakat Untuk Minat Berinteraksi Dan Menghayati al-Qur'an. *Seminar Memperkasakan Pengajian Ilmu al-Qur'an* (p. 94). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.